

Kualiti Dan Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional: Satu Kajian Kes

Azri bin Said

Abstrak : Kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej vokasional sering diperdebatkan dalam kalangan masyarakat sejak graduan pertama pada tahun 2016 mula bergraduat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan persepsi pemegang taruh di kolej vokasional mengenai kualiti dan tahap kebolehpasaran graduan yang dihasilkan, serta apakah kriteria-kriteria yang dikehendaki oleh majikan terhadap graduan kolej vokasional. Ia dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes yang melibatkan seramai 3 orang informan sebagai sampel untuk sesi temubual yang dipilih daripada populasi seramai 1367 orang pemegang taruh serta pemerhatian ke atas dokumen bercetak rasmi. Ujian kebolehppercayaan dilaksanakan dengan melakukan pendekatan triangulasi, pengekodan, carta data dan penilaian semakan rakan sekerja dan nilai purata pekali Kappa yang dicatatkan adalah 0.92, satu nilai tidak diragui dan mempunyai kebolehppercayaan yang tinggi dan hampir sempurna. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 8 bagi membangunkan rangka tematik yang bertepatan. Dua buah teori iaitu Teori Modal Insan Schultz 1961 dan Teori Modernisasi David McClelland 1950 dan Model Kebolehpasaran Graduan digunakan di dalam kerangka teori dan kerangka kerja konseptual. Dapatan kajian menunjukkan kualiti dan kebolehpasaran graduan dapat berteraskan kepada lima tema, pengiktirafan dan bekalan kemahiran yang mencukupi, kecemerlangan latihan OJT, integriti dan bertanggungjawab, nilai daya saing dan kebolehkkerjaan dalam bidang. Majikan juga mengutamakan kemahiran dalam bidang pekerjaan graduan, berintegriti dan bertanggungjawab, berdaya saing dan mempunyai nilai kreativiti dan inovatif dalam pekerjaan. Manakala strategi dalam memasarkan graduan adalah melalui pengiktirafan persijilan kemahiran oleh badan pengiktiraf kemahiran, struktur kurikulum dan penawaran kursus yang lebih dinamik dan melalui kolaborasi dengan pihak industri melalui MoU dan NoU. Dapatan kajian ini penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV) dalam memperkukuh kerangka TVET 4.0 untuk pembangunan kurikulum pendidikan TVET di Malaysia. Pengkaji dapat membuktikan bahawa graduan kolej vokasional mempunyai standard dan kualiti kebolehkkerjaan setara dengan graduan-graduan institut latihan kemahiran dan TVET yang lain.

Kata kunci: kualiti, kebolehpasaran, persepsi, graduan kolej vokasional, TVET.

I. PENGENALAN

Setelah lebih 12 tahun beroperasi, kolej vokasional telah menghasilkan lebih 60 ribu graduan dalam pelbagai bidang menerusi penyediaan latihan kemahiran daripada 87 buah kolej vokasional di seluruh negara. Namun, pelbagai isu telah diperdebatkan oleh warga pendidik dan masyarakat mengenai kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej

vokasional. Hal ini mendapat perhatian dari pelbagai pihak khususnya pemegang taruh yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan kolej vokasional iaitu para graduan, ibu bapa, pensyarah, penggiat industri seterusnya pembangun dasar bagi kolej vokasional. Bagi meninjau apakah persepsi pemegang taruh di kolej vokasional mengenai kebolehpasaran graduan yang dihasilkan, serta apakah kriteria-kriteria yang dikehendaki oleh majikan daripada graduan kolej vokasional, justeru kajian ini dijalankan bagi mendapatkan input serta maklumat di lapangan. Kajian ini dijalankan sepenuhnya secara kualitatif dengan melaksanakan temubual mendalam dan pemerhatian ke atas dokumen-dokumen rasmi bercetak. Kajian ini hanya mewakili persepsi daripada pemegang taruh yang terlibat di dalam kajian bagi kawasan negeri Sarawak dan tidak mewakili pandangan dan dapatan masyarakat seluruh negara. Pendekatan secara kajian kes digunakan dan ujian kebolehppercayaan dilakukan bagi menilai tahap kebolehppercayaan data dan maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat serta pemerhatian pengkaji ke atas dokumen-dokumen yang berkaitan. Analisis data deskriptif dijana dan seterusnya dapatan kajian disimpulkan pada akhir kajian.

II. PERNYATAAN MASALAH

Kolej vokasional telah beranjak dari satu transformasi kepada transformasi dalam menyediakan latihan kemahiran dan teknikal kepada pelatih. Namun, isu yang sering diperdebatkan di media sosial adalah kebolehpasaran serta kualiti graduan yang dihasilkan oleh kolej vokasional. Ibu bapa sebagai pemegang taruh utama di dalam pelaksanaan kolej vokasional perlu diyakini mengenai kemenjadian pelatih di kolej vokasional agar institusi ini boleh terus menjadi pilihan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka meneruskan pengajian. Terdapat rungutan daripada ibu bapa yang menyuarakan tentang situasi anak-anak mereka yang tidak bekerja dan menganggur. KPM dan BPLTV perlu merangka perancangan strategik bagi menangani isu graduan tidak bekerja di dalam bidang agar matlamat penubuhan KV dapat dicapai (Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Vokasional, 2020). Atas dasar itu, kolej vokasional berusaha bagi mendapatkan pengiktirafan kelayakan pendidikan tinggi daripada MQA (Malaysian Qualification Accreditation) dan MBOT (Malaysian Board of Technologist) untuk meyakinkan ibu bapa mengenai soal pengiktirafan nasional terhadap program yang ditawarkan di kolej vokasional. Namun ia belum cukup mendapat sokongan dan keyakinan penuh daripada pihak industri mengenai status kualiti serta kebolehpasaran graduan kolej vokasional. Berdasarkan RMK-11 yang menitikberatkan kombinasi kemahiran insaniah, kebolehkkerjaan dan kecekapan tenaga kerja dalam aspek pembangunan modal insan yang akan dapat menyediakan

tenaga kerja yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21 (Rancangan Malaysia Ke-11, 2019), maka graduan KV perlu mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran ini dan membentuk efikasi sendiri yang tinggi sebelum menceburi alam pekerjaan kelak (Kamro, 2012). Selain itu, nilai-nilai afektif dalam kalangan graduan seperti bertoleransi, kepimpinan berkualiti, kecekapan mengurus masa serta keperibadian dan sahsiah yang cemerlang menjadi isu lain dalam kalangan graduan kolej vokasional. Menurut Little dan Brenda (2011) pelajar patut mempersiapkan diri mereka dengan mempelbagaikan pengetahuan, kemahiran dan kemahiran insaniah yang ada pada diri mereka sama ada dari segi teknikal ataupun kemahiran-kemahiran lain yang boleh membantu mereka dalam kerjaya nanti. Ini adalah kerana majikan turut menitikberatkan nilai-nilai ini dalam menggaji pekerja mereka. Selain kemahiran-kemahiran teknikal dan psikomotor yang menjadi asas dalam kecemerlangan seseorang pekerja, nilai afektif seperti punctuality, kebertanggungjawaban, amanah serta berintegriti tinggi juga boleh memastikan kejayaan dan kecemerlangan seseorang syarikat. Elemen kemahiran dalam kebolehkeraan dapat menguruskan kerjaya diri menuntut setiap individu untuk berkebolehan beradaptasi dengan pantas mengikut keperluan semasa, fokus terhadap kualiti diri, kreatif, inovatif dan sentiasa bertanggungjawab terhadap tugasnya. Individu yang pandai menguruskan kerjayanya dilihat lebih berkeyakinan dalam suasana kerja yang baharu (Redekopp et al., 2009). Kemahiran insaniah merupakan gabungan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu di aplikasi oleh pekerja dalam kehidupan seharian (Tickle & Louise, 2013). Atas dasar itulah, kajian ini turut mendapatkan maklumbalas daripada pihak industri apakah kriteria yang akan diutamakan oleh majikan semasa memilih tenaga kerja untuk bekerja dalam industri mereka. Kajian ini akan dapat menghuraikan maklumbalas majikan mengenai tahap kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej vokasional serta kriteria yang diberi keutamaan bagi pemilihan tenaga kerja dalam sektor pekerjaan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan:

- a) Persepsi pemegang taruh di Kolej Vokasional mengenai kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej vokasional.
- b) Maklumbalas penggiat industri di sekitar negeri Sarawak mengenai kriteria-kriteria yang dipilih dan diutamakan dalam kalangan graduan kolej vokasional
- c) Strategi dan kaedah yang digunakan oleh pihak Kolej Vokasional dalam memasarkan graduan mereka ke dalam dunia pekerjaan.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian seperti di bawah:

- a) Apakah persepsi pemegang taruh di Kolej Vokasional mengenai kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej vokasional?

- b) Apakah kriteria-kriteria yang diutamakan untuk memilih tenaga kerja dalam kalangan graduan kolej vokasional?
- c) Bagaimanakah strategi pemasaran yang perlu diambil oleh penyedia pendidikan Kolej Vokasional bagi memastikan graduan kolej vokasional menjadi pilihan utama pihak industri?

III TINJAUAN LITERATUR

Polisi dan Dasar Pendidikan Teknikal dan Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia

Dalam pelaksanaan dan pengoperasian Kolej Vokasional Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV) telah menetapkan dasar dan sasaran utama dalam melahirkan tenaga kerja yang mahir dan separuh. BPLTV menetapkan kemenjadian 70% graduan yang dilahirkan berjaya dipasarkan ke dalam dunia pekerjaan menyertai bidang industri pekerjaan utama di Malaysia, manakala 20% lagi graduan yang dilahirkan berjaya menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui kerjasama dan kolaborasi rangkaian Malaysian Technical University Network (MTUN) seperti Universiti Teknikal Melaka (Utem), Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM) Batu Pahat, Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan beberapa lagi IPTA lain. Selain itu 10% graduan kolej vokasional disasarkan untuk menjadi usahawan yang berdaya saing dengan suntikan dan bantuan daripada pihak kementerian. Melalui polisi dan dasar ini, kolej vokasional beroperasi dengan menetapkan matlamat utama untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir dalam lebih daripada 30 bidang utama pekerjaan di Malaysia. Pelbagai kajian lepas telah dijalankan bagi meninjau nilai kebolehpasaran dan kualiti graduan kolej vokasional sebelum ini namun kajian-kajian ini belum dapat mewakili dapatan keseluruhan populasi graduan kolej vokasional di Malaysia. Atas dasar itu, BPLTV sentiasa memantau bagi memastikan kebolehpasaran graduan ke dunia pekerjaan sentiasa mencapai sasaran dan berusaha untuk memastikan aspirasi kolej vokasional dapat menjadi peneraju pendidikan teknikal dan vokasional yang menjadi pilihan pelajar dan belia di Malaysia.

Kajian Lepas

Beberapa kajian lepas berkaitan isu graduan kolej vokasional telah ditinjau dan dikaji. Menurut (Yusof, et al., 2021) kemahiran teknikal dan vokasional dalam kalangan graduan vokasional khususnya graduan perempuan adalah tinggi dan mempunyai nilai kebolehkeraan yang diyakini. Selain berjaya dalam mendapatkan pelesenan Kad Hijau daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB, graduan kolej vokasional juga mempunyai kualiti khusus dalam kemahiran kerja semasa dalam latihan di kolej vokasional lagi. Ini jelas berdasarkan kepada data yang diperolehi dan dianalisis yang menunjukkan graduan kolej vokasional mempunyai kemahiran kritikal yang sangat diperlukan di dalam bidang teknikal dan vokasional. Akibat dari pandemik Covid-19 yang melanda negara ketika ini, tenaga manusia yang

dilahirkan haruslah mempunyai daya saing, kemahiran yang tinggi dan peka terhadap perkembangan mengikut revolusi Industri 4.0 (Che Ros et al., 2021). Nilai-nilai kebolehpasaran bagi seseorang graduan diukur kepada tiga komponen utama iaitu kelayakan akademik, kemahiran teknikal dan kemahiran generik (Ali et al., 2019). Seperti yang kita sedia maklum, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia melalui pelbagai bidang pembinaan seperti pembinaan bangunan, elektrik, elektronik, mekanikal dan sebagainya mensyaratkan semua pekerja mahir dan separuh mahir perlu memiliki Kad Hijau bagi melayakkan mereka diambil bekerja di dalam industri pembinaan Malaysia. Hal ini termaktub di dalam Akta 520 yang mewajibkan setiap pekerja perlu diperlesenkan dengan kad tersebut dan dilatih supaya berkemahiran di dalam bidang mereka. Ini membuktikan graduan kolej vokasional juga telah layak diterima bekerja dalam lapangan industri pembinaan setelah mereka dianugerahkan dengan Kad Hijau. Majikan amat mengutamakan kemahiran teknikal dalam kalangan graduan vokasional dan mengesyorkan supaya pelatih-pelatih di kolej vokasional dibekalkan dengan kemahiran teknikal dan vokasional yang secukupnya agar nilai kebolehpasaran mereka tinggi (Ali et al. 2019) Ini bagi memastikan graduan yang diterima bekerja mampu melaksanakan pekerjaan mereka apabila diarahkan oleh majikan tanpa sebarang penyeliaan dan pengawasan. Dari perspektif majikan, kebanyakan mereka cenderung mengambil pekerja buruh asing yang melibatkan pemberian gaji lebih rendah berbanding mengambil pekerja tempatan yang mempunyai kemahiran kerana ianya melibatkan kos yang agak tinggi. Selain itu, kadar pengangguran yang tinggi dan kebanjiran warga asing di Malaysia juga adalah didorong oleh faktor kurangnya tenaga kerja berkualiti dan berkemahiran tinggi (Daud, 2016). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), sehingga Mei 2020 berlaku penurunan sebanyak 1.6% tenaga kerja berbanding Mei 2019 iaitu sebanyak 15.12 juta orang yang masih bekerja. Tambahan lagi, menurut sumber yang sama melaporkan pada suku pertama 2019, negara merekodkan seramai 516,600 penganggur yang terdiri daripada graduan-graduan institusi pengajian tinggi. Melalui data yang dikongsi oleh KPM dalam laporan kajian pengesanan graduan tahun 2019 menunjukkan purata pendapatan bulanan sebanyak 3544 responden dari institusi di bawah KSM majoriti dibayar di antara RM 1001 sehingga RM2000 dan ada juga yang dibayar bawah RM1000 untuk graduan yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan 3.

Manakala graduan yang memiliki Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dibayar kadar upah sebanyak RM 1001 sehingga RM 3000. Terdapat perbezaan yang signifikan pendapatan graduan lelaki berbanding graduan perempuan di Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan mengikut kelayakan sijil tertinggi (Kenayathulla, 2019). Kewujudan kolej vokasional mampu membantu mencapai objektif kerajaan untuk membentuk generasi yang berkebolehan dari pelbagai aspek dalam bidang kemahiran dan pengetahuan teknikal dan secara tidak langsung berupaya membentuk insan yang berkredibiliti selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan martabat pendidikan vokasional setanding dengan negara luar yang lain (Yusof & Nawati, 2021). Atas dasar itulah, kolej vokasional wajar melahirkan tenaga kerja

separuh mahir yang bukan sahaja mempunyai kelayakan akademik yang diiktiraf, tetapi juga mempunyai kemahiran dan kebolehpasaran yang tinggi. Bagi mengurangkan kadar pengangguran, kolej vokasional mampu mengatasi angka ini sekiranya pakar industri mempunyai keyakinan yang tinggi ke atas kebolehpasaran dan kemahiran yang dibekalkan kepada graduan kolej vokasional. Walaupun belum begitu banyak kajian-kajian lepas dijalankan ke atas tahap kebolehpasaran dan kualiti graduan yang dihasilkan oleh kolej vokasional di Malaysia, namun dengan kajian yang dijalankan ini dapat menjadi rintis dan permulaan kepada pembudayaan penyelidikan dasar dan polisi pendidikan dalam bidang pendidikan TVET khususnya di kolej vokasional.

IV. METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Secara amnya, kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kajian kes di mana kaedah kualitatif digunakan sepenuhnya. Melalui pendekatan kajian kes, pengkaji boleh memperoleh keseluruhan peristiwa yang berlaku dalam persekitaran yang natural. Di samping itu, kaedah ini juga tidak dihadkan kepada jangka masa aktiviti pengumpulan data seperti penggunaan kaedah survei atau eksperimen. Kaedah ini juga mempunyai tahap penerimaan yang tinggi dalam kalangan subjek kerana subjek menganggap kaedah pemerhatian yang lebih berbanding dengan menyoal. Ia kurang memberi tekanan kepada informan dan menyebabkan kurang bias. Temubual mendalam dijalankan terhadap 3 individu yang mewakili kelompok pemegang taruh di kolej vokasional iaitu pensyarah, alumni dan majikan atau pihak industri. Selain itu, pemerhatian ke atas dokumen-dokumen rasmi bercetak seperti Data Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional dan Data Enrolmen Pelajar yang mengikuti pengajian di kolej vokasional turut dijalankan.

Kerangka Kerja Teori

Di dalam kajian ini, Teori Modal Insan Schultz (1961) telah dirujuk dan dikaji. Modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah faktor terpenting kepada negara untuk mentransformasikan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (Ismail, 2012). Kebolehpasaran adalah salah satu elemen terpenting dalam merangsang dan menjana pertumbuhan ekonomi yang berimpak tinggi. Teori ini dipilih adalah kerana ia mempunyai item-item penting yang boleh dihubungkan dengan tema kajian iaitu martabat manusia. Walaupun teori ini telah berabad diperkenalkan, namun ia masih relevan dirujuk agar modal insan manusia dapat terus diperkasa dan dimartabatkan. Menurut Schultz, penekanan perlu diberikan kepada aktiviti-aktiviti individu dalam mendapatkan pendidikan dan kemahiran sebagai salah satu usaha penting untuk memberi nilai tambah dan kapasiti diri bagi membolehkan mereka bersaing dalam dunia pekerjaan seterusnya menjadi pilihan majikan untuk ditawarkan gaji yang selayaknya. Individu yang mempunyai kemahiran dan

nilai kebolehpasaran yang tinggi akan mampu meningkatkan produktiviti syarikat dan menjana pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya dapat meningkatkan kadar pengeluaran hasil negara bagi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat (Abdul Majid et al., 2018; Md Noor et al., 2019). Modal insan juga merupakan satu entiti yang unik kerana ia dikatakan bersifat kekal kepada seseorang individu sepanjang hayat, berbanding dengan modal fizikal yang lain, yang boleh berpindah milik daripada seorang pemodal kepada pemodal yang lain.


Teori ini bersifat berdiri kukuh dengan berpendapat bahawa individu dengan pencapaian akademik yang baik dan berkemahiran tinggi akan menjana pendapatan yang tinggi untuk satu tempoh yang panjang (Amankwah-Amoah et al. 2016; Campbell et al. 2018; Hayek et al. 2016). Selain itu, negara-negara yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan melalui peningkatan pendidikan dan latihan jelas menunjukkan satu kemajuan yang tinggi dalam produktiviti dan kadar pengeluaran hasil negara. Selain itu, berdasarkan Teori Modernisasi yang diperkenalkan oleh Mc Clelland (1950) berpendapat bahawa pembangunan kemajuan sesebuah masyarakat dan organisasi amat dipengaruhi oleh faktor-faktor penguasaan teknologi terkini dan kemahiran-kemahiran serta nilai kebolehpasaran yang tinggi dalam kalangan pekerja untuk membolehkan mereka saling bersaing di dalam dunia pekerjaan yang semakin kompleks (Ntini, 2017). Teori ini dipilih kerana ia memberikan penekanan yang kuat pada motivasi individu dalam mencapai kejayaan dan kemajuan ekonomi. Ia menganggap bahawa keperluan untuk mencapai kuasa dan afiliasi adalah faktor-faktor yang mendorong individu untuk berusaha dan berjaya. Teori ini mengaitkan motivasi individu dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. McClelland berpendapat bahawa individu yang mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencapai kejayaan cenderung untuk menjadi lebih kompetitif dan inovatif, dan oleh itu memberikan sumbangan yang lebih besar kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Oleh kerana kajian ini lebih menumpukan kepada bidang kebolehpasaran yang berkait rapat dengan bidang pembangunan ekonomi, teori ini amat wajar dirujuk oleh pengkaji. Teori ini terutamanya relevan dalam konteks perkembangan ekonomi di mana individu dan komuniti sedang berusaha untuk mengatasi cabaran ekonomi dan meningkatkan tahap kemakmuran. Ia memberi tumpuan kepada motivasi individu sebagai pemacu untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, dan dengan itu memberikan perspektif yang berguna dalam pembangunan ekonomi dan perancangan sosial. Individu yang berbekalkan kemahiran, pengetahuan dan ciri-ciri kebolehpasaran yang tinggi berupaya menjadi tenaga kerja yang produktif, berdaya saing dan dapat memberi sumbangan kepada usaha-usaha untuk pemodenan masyarakat sesebuah negara (Pinheiro & Pillay, 2016). Teori ini turut memberikan penekanan kepada penguasaan kemahiran serta nilai kebolehpasaran bagi memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai impak dan daya saing yang tinggi dalam pasaran pekerjaan. Oleh itu, kedua-dua teori ini digunapakai di dalam pelaksanaan kajian ini bagi memastikan bahawa nilai kebolehpasaran graduan kolej vokasional dapat berlandaskan kepada teori yang


diterajui oleh ilmuwan yang mempunyai kecenderungan di dalam lapangan kajian yang sama.

Kerangka Kerja Konseptual

Berdasarkan kepada Model Kebolehpasaran yang ditunjukkan pada Rajah 1 di bawah, pengkaji menghubungkaitkannya dengan Kerangka Kerja Konseptual Kajian yang berjaya dibangunkan untuk memudahkan pengkaji dalam membangunkan hipotesis awalan kajian. Kerangka Kerja Konseptual Kajian kemudiannya dihuraikan di dalam Rajah 2 seperti di bawah dengan mengambil kira pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar untuk menunjukkan konsep keseluruhan kajian.



Rajah 1: Model Kebolehpasaran Graduan



Rajah 2: Kerangka Kerja Konseptual Kajian

Di dalam kajian yang berkaitan kebolehpasaran graduan, Model Kebolehpasaran kebiasaannya akan digunapakai sebagai panduan untuk membantu pengkaji menjalankan kajian. Model Kebolehpasaran ini adalah gabungan komponen penting yang membentuk dan menghasilkan satu trend kebolehpasaran. Ini bererti sekiranya salah satu komponen tersebut diabaikan, ia akan mengurangkan nilai kebolehpasaran graduan. Setelah dikaji, komponen-komponen ini dilihat berbeza antara satu sama lain, namun ia tetap saling berkait rapat dan saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai contoh mudah, graduan yang memiliki kemahiran mengaplikasi sesuatu kemahiran didapati mampu melaksanakan tugas dengan baik namun jika beliau tidak mempunyai kemahiran metakognitif, graduan tersebut tidak mampu menggunakan daya pemikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan sebarang isu atau masalah berbangkit hasil daripada tugas yang dilakukan sebelumnya. Keadaan ini dapat menjejaskan prestasi dan kualiti pekerjaan yang dilakukan seterusnya

mengakibatkan usaha untuk merealisasikan matlamat utama organisasi akan terancam.

Model Kebolehpasaran merupakan gabungan komponen penting di dalam mengukur nilai kebolehpasaran graduan yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu serta pengaplikasian dua teori utama iaitu Teori Modal Insan dan Teori Modenisasi. Berdasarkan dapatan kajian terdahulu serta saranan daripada kedua-dua teori ini, graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran (kemahiran mengaplikasi, kemahiran insaniah, dan kemahiran keusahawanan) dapat membolehkan mereka menerima penawaran pekerjaan. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan mereka terus relevan dan berdaya saing di dalam dunia pekerjaan, mereka sangat memerlukan dua lagi elemen tambahan iaitu efikasi sendiri dan metakognitif. Gabungan kesemua elemen ini membolehkan graduan menghadapi cabaran global dalam dunia pekerjaan yang dinamik selaras dengan perubahan dan perkembangan teknologi dan ekonomi dunia semasa.

Kaedah Persampelan dan Informan

Informan yang dipilih adalah dalam kalangan pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam pengoperasian Kolej Vokasional Miri dari seluruh negeri Sarawak. Kolej Vokasional Miri yang terdiri daripada 105 orang pensyarah berkelayakan, 22 orang staff sokongan, 600 orang pelajar, lebih 600 graduan dari pelbagai bidang, lebih daripada 20 buah syarikat dan pihak industri seluruh negeri Sarawak yang telah menandatangani perjanjian persefahaman bersama Kolej Vokasional Miri dan lebih daripada 20 orang Jawatankuasa Penasihat Teknikal seluruh Malaysia yang terdiri daripada pakar industri dan ahli akademik yang berkolaborasi bersama program-program yang ditawarkan di Kolej Vokasional Miri telah mula beroperasi sejak tahun 2012 setelah mengalami transformasi pendidikan TVET di peringkat nasional. Informan yang dipilih dalam kalangan pemegang taruh ini merupakan 3 orang yang mewakili pensyarah Kolej Vokasional Miri, seorang alumni dan seorang pihak industri untuk memberikan data dan maklumbalas mengenai isu yang dikaji.

Antara kriteria yang diberi keutamaan bagi mengelakkan bias dalam pengumpulan data maklumat adalah memastikan setiap informan tidak terlibat dalam pelaporan kebolehpasaran graduan secara terus kepada BPLTV. Ketiga-tiga informan merupakan entiti yang hanya menerima input daripada pengurusan Kolej Vokasional Miri dan tidak mempunyai kepentingan kepada nilai data kebolehpasaran graduan. Pensyarah yang dipilih merupakan tenaga pengajar yang tidak terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran kolej vokasional. Manakala alumni dan wakil industri yang dipilih pula merupakan pihak yang memberikan maklumbalas berdasarkan kepada pengalaman sewaktu pembelajaran di kolej vokasional dan sewaktu menerima pelajar kolej vokasional sebagai pelatih yang menjalani OJT di organisasi beliau. Walaupun kajian ini hanya melibatkan tiga informan sahaja, namun data dan maklumat yang diperolehi hasil daripada temubual mendalam adalah sangat mencukupi sebagai input kepada penyelidik kerana dokumen-dokumen rasmi bercetak turut

dijadikan instrumen untuk dianalisis dan divalidasi oleh penyelidik bersama rakan-rakan penilai yang terlibat dalam ujian kebolehpasaran kajian.

Protokol Temubual

Tiga sesi temubual mendalam telah dijalankan secara berasingan melalui rakaman audio dan menggunakan platform google meet ke atas tiga informan yang dipilih berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik dengan persetujuan rakan-rakan penilai. Data dan maklumat yang diperolehi daripada ketiga-tiga informan seterusnya divalidasi melalui analisis pemerhatian ke atas laporan prestasi pelatih selepas menjalani OJT oleh Penyelia Organisasi di mana 40% penilaian OJT adalah dinilai oleh Penyelia Organisasi sendiri. Instrumen kajian iaitu soalan semi struktur dibangunkan dan divalidasi oleh dua rakan penilai lain untuk dikemukakan kepada ketiga-tiga informan secara adil tanpa membandingkan tahap pendidikan dan kumpulan pemegang taruh yang diwakili oleh informan.

JADUAL I: MAKLUMAT INFORMAN PESERTA KAJIAN

IN	Jantina	Jawatan	Pengalaman	Gred	Kelayakan Akademik
P1	Lelaki	Pensyarah	24 tahun	DG48	Ijazah Sarjana Pendidikan
P2	Lelaki	Alumni	3 tahun	FT29	Diploma Teknologi Maklumat
P3	Lelaki	CEO Industri	18 tahun	-	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik

Kaedah Pengumpulan Data Melalui Pemerhatian Ke Atas Dokumen Rasmi Bercetak

Selain melalui temubual mendalam yang dijalankan ke atas 3 informan, pengkaji turut mengumpul data-data bercetak untuk diperhatikan dan diselidiki agar maklumat yang diperolehi daripada informan adalah selari dan tidak bercanggah. Jadual 2 di bawah menunjukkan jenis-jenis dokumen rasmi bercetak yang terlibat secara langsung dalam pengumpulan data selain daripada transkripsi temubual yang dijalankan. Antara dokumen terpenting yang berimpak tinggi bagi kajian ini adalah Data Kebolehpasaran Graduan KV Miri 2017-2022, Data Mou dan NoU dan Analisis Pencapaian dan Laporan Prestasi OJT Graduan KV Miri. Semua data daripada dokumen-dokumen ini diinterpretasi dan diverifikasi melalui temubual mendalam yang dijalankan ke atas tiga orang informan yang dipilih.

Prosedur Analisis Data


Pengkaji telah menjalankan temubual mendalam bersama tiga orang informan yang dipilih sebelum melaksanakan transkripsi data. Data yang telah ditranskrip kemudiannya dikategorikan melalui kaedah triangulasi, pengkodan dan data carta. Pada peringkat ini, pengkaji telah mengasingkan data-data hasil daripada penemuan melalui transkripsi data dan pemerhatian ke atas dokumen-dokumen bercetak kepada tema-tema berkaitan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Data-data yang telah dikodkan kemudian dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 8 untuk mendapatkan analisis yang telah tepat dan padat. Hasilnya,

pengkaji berjaya menjana kerangka kerja tematik berasaskan tema-tema yang dikenalpasti sepanjang proses analisis data berlandaskan persoalan kajian yang ditetapkan pada awal kajian. Tujuan kesemua proses ini dilaksanakan secara manual adalah untuk meningkatkan nilai kebolehpercayaan tanpa ada bias atau kesilapan interpretasi. Seterusnya, ujian kebolehpercayaan dilakukan dengan melibatkan semakan rakan sekerja atau penilai. Borang Ujian Kebolehpercayaan digunakan bagi membantu penilai-penilai memberikan persetujuan atau cadangan sekiranya penemuan bercanggah antara satu sama lain. Borang ini seterusnya digunakan bagi mendapatkan nilai pekali Kappa yang dapat menentukan tahap kebolehpercayaan sesebuah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes secara menyeluruh.


V. DAPATAN KAJIAN

Analisis dan Penjanaan Kerangka Kerja Tematik

Pengkaji telah merangkumkan proses pengindeksan teks data daripada transkrip temu bual dan dokumen lain menggunakan pengurangan data. Pada peringkat ini, data dipecahkan kepada tema, dan penyelidik mencari segmen data dengan kategori atau kod yang sama. Rangka kerja tematik yang boleh dihasilkan untuk mengkaji persepsi pemegang taruh dan kriteria pemilihan tenaga kerja oleh majikan dalam kalangan graduan kolej vokasional ditunjukkan seperti di dalam Rajah 3. Manakala rangka kerja tematik bagi mengkaji strategi pemasaran graduan kolej vokasional ditunjukkan seperti pada Rajah 4. Semua informan telah memberikan cadangan bahawa dalam memasarkan graduan, kolej vokasional harus memperbanyakkan lagi usahasama dan pemeteraian perjanjian persefahaman atau MoU dengan syarikat-syarikat dan pakar industri di seluruh negeri Sarawak. Kolaborasi dengan penyedia pendidikan tinggi seperti rangkaian Malaysian Technical University (MTUN) antaranya Utem di Melaka, UTHM dan UPSI perlu diperluaskan lagi. Program-program nilai tambah graduan seperti menyediakan struktur kurikulum dan silibus yang dinamik bagi menyediakan tenaga kerja yang mandiri perlu sentiasa dikemaskini lagi. Selain itu, penyertaan pelajar kolej vokasional di dalam pertandingan-pertandingan Malaysian World Skill, Malaysian Junior Skill dan sebagainya perlu digandakan. Kemahiran menghasilkan produk inovasi turut perlu ditekankan dalam diri pelajar kolej vokasional kerana ia turut menyumbang kepada nilai tambah dalam diri seseorang graduan dan kebiasaannya ia lebih mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran kerja. Selain itu, pengiktirafan dan persijilan kemahiran dari badan-badan pengiktirafan kemahiran seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran, CIDB dan sebagainya turut dapat memberikan nilai kebolehpasaran yang tinggi kepada graduan kolej vokasional.



Rajah 3: Rangka Kerja Tematik Bagi Persepsi Pemegang Taruh Kolej Vokasional dan Kriteria Pemilihan Pekerja Oleh Majikan



Rajah 4: Rangka Kerja Tematik Bagi Strategi Pemasaran Graduan Kolej Vokasional

Ujian Kebolehpercayaan

Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan dalam kajian ini dengan menggunakan pendekatan triangulasi dan semakan rakan sekerja. Kaedah triangulasi telah dilaksanakan oleh tiga rakan pengkaji yang berbeza di mana temu bual dijalankan secara individu pada masa dan tempat yang berbeza. Untuk memudahkan rakan kongsi mengulas tentang tema, borang ujian kebolehpercayaan antara penilai telah disediakan. Pendapat yang berbeza mengenai tema yang dijana direkodkan dalam borang ujian kebolehpercayaan antara penilai dan kemudian dibincangkan dalam kumpulan aplikasi Whatsapp. Kegunaan Borang Kebolehpercayaan Kajian ini akan dapat membantu pengkaji untuk membuat proses pengiraan nilai Pekali Kappa Ujian yang seterusnya dapat menentukan tahap kebolehpercayaan kajian ini. Untuk menerima nilai dan aspek kebolehpercayaan kedua-dua penilai dalaman, analisis statistik bagi tahap persetujuan Cohen Kappa juga dijalankan untuk memastikan konsistensi antara dua penilai yang menilai kesemua pembolehubah dan tema yang ditemukan di dalam sesebuah kajian. Sebarang nilai Kappa yang mencatatkan nilai julat di antara 0.6 hingga 0.8 dianggap mencukupi dan nilai seterusnya dikatakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (Landis & Koch, 1977). Nilai kelulusan dikira berdasarkan formula berikut:

$$K = \frac{f_a - f_c}{N - f_c}$$

Dengan tafsiran bagi setiap pembolehubah seperti berikut; f_a = bilangan persetujuan; N = bilangan unit (kategori) persetujuan yang diuji; f_c = 50% jangkakan

persetujuan. Di dalam kajian ini, $f_a=25$, $f_c=26 \times 50\% = 13$, $N = 26$. Kod bagi Nilai Kreativiti dan Inovatif tidak dipersetujui oleh kedua-dua penilai dengan memberi cadangan agar ia disatukan di bawah satu tema yang sama kerana ia membawa pendefinisian yang kurang lebih hampir sama. Kedua-dua penilai bersetuju untuk kod ini digabungkan di dalam tema Efikasi Kendiri. Oleh yang demikian, nilai purata bagi pekali Kappa yang dikira ditunjukkan seperti di dalam jadual di bawah:

JADUAL II: NILAI PURATA PEKALI KAPPA BAGI UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN

Penilai 1	Penilai 2	Nilai Purata Pekali Kappa
$K1=25-13$	$K2=25-13$	$K = \frac{K1+K2}{2}$
$26-13$	$26-13$	2
$= \frac{12}{13}$	$= \frac{12}{13}$	$K = \frac{0.92+0.92}{2}$
$=0.92$	$=0.92$	$K=0.92$

Berdasarkan kepada nilai purata Pekali Kappa hasil daripada ujian Kebolehppercayaan yang dijalankan, pengkaji seterusnya merujuk kepada Petunjuk Interpretasi Nilai Pekali Kappa bagi mendapatkan tahap kebolehppercayaan kajian ini seperti ditunjukkan dalam Jadual III.

JADUAL III: PETUNJUK INTERPRETASI NILAI PEKALI KAPPA

Julat Kappa	Pekali Tahap Persetujuan	Peratusan Data Yang Boleh Dipercayai
0.00 – 0.20	Tiada Persetujuan	0% - 4%
0.21-0.39	Minimal	4% - 15%
0.40- 0.59	Lemah	15% - 35%
0.60-0.79	Sederhana	35% - 63%
0.80-0.90	Kuat	64% - 81%
> 0.90	Hampir Sempurna	82% - 100%

Berdasarkan kepada jadual petunjuk di atas, jelas menunjukkan bahawa tahap kebolehppercayaan bagi kajian ini berada pada tahap melebihi 0.9 dengan interpretasi hampir sempurna.

Analisis Data Deskriptif

Pada bahagian analisis data, pengkaji menjalankan analisis secara deskriptif berdasarkan kepada tema-tema yang dibangunkan hasil daripada pengkodan dan triangulasi data yang dijana. Berikut dapatan yang telah diperolehi.

Persepsi Pemegang Taruh Terhadap Kualiti dan Kebolehpasaran Graduan

a) Pengiktirafan dan Bekalan Kemahiran Kepada Graduan Mencukupi

Ketiga-tiga informan bersetuju bahawa graduan Kolej Vokasional Miri mempunyai bekalan kemahiran yang sangat cukup serta diiktiraf oleh badan pentauliah kemahiran seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Lembaga

Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Kemahiran pekerjaan yang diperolehi sepanjang pengajian di kolej vokasional telah mampu mempersiapkan para pelajar sebagai tenaga kerja mahir dan separuh mahir. Menurut Killy Chong (P1): “graduan kita dah cukup bersedia dan dengan kemahiran dan pengetahuan mereka di KV Miri ni...saya yakin mereka mampu dipasarkan dan mudah ditawarkan pekerjaan.” Beliau turut menambah; “...Bukan itu sahaja, dengan pengiktirafan kemahiran mereka oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran menerusi persijilan Sijil Kemahiran Malaysia membuktikan graduan KV ni mempunyai nilai tambah yang sangat tinggi berbanding graduan di IPTA lain pada peringkat diploma. Kemahiran mereka diiktiraf oleh sebuah badan khas yang mengiktiraf kemahiran tenaga kerja di industri...jadi saya bersetuju majikan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kebolehan, potensi serta kemahiran yang ada dalam diri graduan kolej vokasional.” Menurut Iqbal (P2): “Kami telah banyak dibekalkan dengan kemahiran sebagai persediaan kami di alam pekerjaan kelak. Selain tu, pengetahuan-pengetahuan asas teori banyak dipelajari melalui modul-modul di dalam struktur pengajian kami”. Malahan, beliau turut menambah; “Kami dulu bukan saja dilatih dengan kemahiran dan pengetahuan teori serta metakognitif seperti mengaplikasi kemahiran dan pengetahuan ke dalam bidang pekerjaan, tapi kami juga banyak belajar dan diajar dengan modul-modul asas kebolehkkerjaan seperti etika pekerjaan, profesionalisme pekerjaan, kemahiran dinamika...” Berdasarkan kepada Shahrstani (P3): “Pelajar tersebut bukan sahaja mempunyai kemahiran teknologi dalam bidang ICT yang baik, tetapi juga mempunyai sahsiah dan disiplin yang sangat baik...datang kerja awal...rajin bertanya dan banyak juga berkongsi kemahiran dengan pekerja-pekerja saya yang lain.” Sebagai wakil pihak industri yang berkolaborasi dengan Kolej Vokasional Miri sejak tahun 2018, beliau turut berpendapat bahawa kebolehkkerjaan dan kemahiran graduan menjadi fokus dan keutamaan dalam bidang industri.... “bagi saya...kebolehkkerjaan dan kemahiran graduan itu fokus saya dalam bidang industri...”

b) Kecemerlangan Pelajar Kolej Vokasional Semasa Menjalani OJT

Ketiga-tiga informan juga menyatakan perkara yang sama berkaitan kecemerlangan pelajar kolej vokasional semasa menjalani latihan praktikal OJT. Ini adalah kerana terdapat beberapa buat syarikat yang terus menawarkan pekerjaan tetap kepada pelajar berkenaan selepas mereka menamatkan latihan praktikal walaupun belum dianugerahkan diploma daripada pihak KPM. (Laporan Prestasi OJT Graduan KV Miri, 2022). Menurut Killy (P1); “Data ada menunjukkan ramai pelajar kami diserap masuk terus bekerja di company tempat mereka laksanakan OJT tersebut selepas mereka tamat OJT. Pihak-pihak industri ini bukan sahaja menerima graduan kami menjalani OJT, tetapi turut bersetuju untuk memberi kuota tenaga kerja sekiranya berkecukupan dan hampir setiap tahun kami berjaya memasarkan sekurang-kurangnya 20% daripada graduan kami kepada pihak industri yang telah memeterai perjanjian persefahaman...”. Sistem Pelaksanaan OJT yang dijalankan di semua program diploma kolej vokasional juga mengguna

pakai konsep Outcome Based Education (OBE) yang menjadi penyumbang kepada pencapaian dan keberhasilan latihan OJT para pelajar kolej vokasional. (Laporan Prestasi OJT Graduan KV Miri, 2022).

Aspek penilaian dalam kursus Latihan Industri dari konsep penilaian tradisional ke penilaian berlandaskan Konsep pengajaran Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) wajar dilaksanakan di Politeknik Malaysia mulai sesi Disember 2011 kerana elemen yang penting dalam OBE ialah hasil pembelajaran perlu jelas dan boleh dipantau (Hasni et. al, 2019). Manakala berdasarkan kepada pernyataan informan kedua, beliau bersetuju OJT telah menjadi platform para pelajar kolej vokasional untuk menunjukkan kemahiran seterusnya boleh berdikari dan mandiri dalam dunia pekerjaan. “Saya rasa, melalui pelaksanaan OJT dapat menyediakan pelajar-pelajar KV untuk lebih mandiri dalam dunia pekerjaan.”- Iqbal (P2). Berdasarkan Shahrستاني(P3) pula; “. dan telah menerima permohonan daripada 4 orang pelajar kolej vokasional dari bidang yang sama untuk menjalani OJT.... alhamdulillah saya tidak ragu-ragu menerima mereka selepas sesi interview bersama mereka bulan lepas. Mereka akan menjalani OJT bulan Mei kelak...”

c) Integriti dan Kebertanggungjawaban – Memartabat Nilai Manusia Dalam Pekerjaan

Graduan kolej vokasional turut dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran insaniah seperti berintegriti, bertanggung jawab, amanah, jujur, menepati masa serta nilai-nilai rohaniah yang lain. Selain struktur program yang banyak menyertakan modul-modul berkaitan kemahiran kebolehpasaran, program di kolej vokasional juga banyak mewajibkan pelajar-pelajar untuk mengambil dan lulus kursus-kursus berkaitan insaniah dan rohani. (Struktur Program, Kurikulum Standard Kolej Vokasional, 2019). Malahan, ia dipersetujui dengan kuat oleh informan ketiga mengenai sahsiah dan disiplin yang ditunjukkan oleh pelajar kolej vokasional semasa menjalani OJT di tempat industrinya. Berdasarkan kepada Killy (P1); “graduan KV ni sangat bertuah...sebab mereka semua bukan sahaja dibimbing dari segi pengetahuan kognitif dan kemahiran metakognitif, tetapi juga nilai-nilai keusahawanan, nilai-nilai insaniah dan aspek rohani turut diberikan penekanan.” Menurut Iqbal (P2) pula; “.saya setuju... semasa saya dalam tahun akhir dulu pun pensyarah saya banyak tekankan untuk menepati masa, kepentingan untuk bersikap jujur dan amanah serta mengurus projek dengan baik dan bertanggungjawab.” Manakala menurut Shahrستاني (P3); “Pelajar tersebut bukan sahaja mempunyai kemahiran teknologi dalam bidang ICT yang baik, tetapi juga mempunyai sahsiah dan disiplin yang sangat baik...datang kerja awal...rajin bertanya dan banyak juga berkongsi kemahiran dengan pekerja-pekerja saya yang lain.”. Nilai-nilai insaniah adalah salah satu kriteria penting dalam memartabat dan meletakkan nilai manusia dalam dunia pekerjaan. Dalam melahirkan tenaga kerja yang berintegriti dan bertanggungjawab, nilai insaniah perlu disuntik lebih awal dalam diri pelajar sebagai bekalan mereka ke dunia pekerjaan.

d) Berdaya Saing dan Kebolehpasaran

Menurut bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Tan Sri Dr. Ghauth Jasmon berkata, salah satu faktor yang menyebabkan graduan gagal mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian adalah kerana tidak berkemahiran dan berdaya saing (Abd. Majid & Hussin, 2020). Ini jelas menunjukkan bahawa nilai berdaya saing dan kemahiran kebolehpasaran graduan. Graduan kolej vokasional juga mempunyai nilai daya saing yang sangat tinggi dan kebolehpasaran di dalam industri selepas mereka menamatkan pengajian. (Data Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional Miri, 2022). Mereka mampu membina kecemerlangan dan peningkatan kerjaya di dalam dunia pekerjaan. Selain mempunyai semangat dan dedikasi yang tinggi, graduan kolej vokasional juga ditawarkan gaji yang lebih tinggi setara dengan graduan-graduan dari institusi kemahiran yang lain. Informan juga bersetuju bahawa pengajar-pengajar di Kolej Vokasional Miri telah banyak memberi graduan dengan input-input serta kemahiran yang sangat berguna sebagai bekalan untuk persediaan ke dalam dunia pekerjaan. Menurut Killy (P1); “Saya rasa tiada masalah bagi graduan kolej vokasional untuk membina kecemerlangan dan peningkatan kerjaya dan seterusnya untuk bersaing dalam dunia pekerjaan kelak...”. Menurut Iqbal (P2) pula; “Makin ramai kawan-kawan saya dan senior yang saya kenali telah berjaya ditawarkan pekerjaan tetap yang terjamin, malah ada yang telah ditawarkan peningkatan gaji...” “Selain itu, mereka telah pun memastikan kemahiran insaniah, keusahawanan, kematangan berfikir serta nilai-nilai daya saing dan mandiri dalam dunia pekerjaan telah diserap dalam diri setiap pelajar sepanjang pembelajaran.” Berdasarkan kepada Shahrستاني (P3) pula; “...apa paling penting adalah modal insan yang dilahirkan oleh kolej vokasional...berkemahiran, berdedikasi serta mempunyai nilai-nilai tambah yang lain seperti mampu berdaya saing, boleh berdikari dan boleh memimpin”. Menurut Iqbal (P2) lagi; “kami juga banyak belajar dan diajar dengan modul-modul asas kebolehpasaran seperti etika pekerjaan, profesionalisme pekerjaan, kemahiran dinamika, kemahiran mengurus, even prosedur-prosedur mengenai mesyuarat, pembelian aset dan perancangan-perancangan untuk melaksanakan projek juga banyak kami pelajari. Ia sebagai bekalan kami untuk kami aplikasi dan gunakan di dalam dunia pekerjaan sebenar.”

Kriteria Pemilihan Pekerja Oleh Majikan Dalam Kalangan Graduan Kolej Vokasional

a) Kemahiran Pekerjaan Dalam Bidang

Kesemua informan bersetuju bahawa kemahiran dalam bidang pekerjaan serta kebolehpasaran adalah asas utama dalam kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh majikan. Ini adalah kerana, untuk sesebuah syarikat mempunyai daya produktiviti yang tinggi, kemahiran dan kebolehpasaran pekerja adalah asas dalam memastikan sesebuah organisasi boleh bersaing di peringkat yang lebih global. Bagaimanapun, pengiktirafan terhadap kemahiran yang ada dalam diri seseorang individu itu juga turut

memberi nilai tambah semasa proses pemilihan pekerja. Oleh itu, graduan kolej vokasional yang diiktiraf kemahiran mereka oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia dan pemberian Kad Hijau oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia turut menjadi impak yang besar kepada graduan kolej vokasional semasa memohon pekerjaan. Menurut Killy (P1); “graduan kita dah cukup bersedia dan dengan kemahiran dan pengetahuan mereka di KV Miri ni...saya yakin mereka mampu dipasarkan dan mudah ditawarkan pekerjaan.” “...Bukan itu sahaja, dengan pengiktirafan kemahiran mereka oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran menerusi pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia membuktikan graduan KV ni mempunyai nilai tambah yang sangat tinggi berbanding graduan di IPTA lain pada peringkat diploma. Kemahiran mereka diiktiraf oleh sebuah badan khas yang mengiktiraf kemahiran tenaga kerja di industri...jadi saya bersetuju majikan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kebolehan, potensi serta kemahiran yang ada dalam diri graduan kolej vokasional.”

Kemahiran menganalisis hasil keputusan amat penting dalam menentukan solusi apakah yang perlu diambil oleh pekerja mahir yang berada dalam dunia industri sebenar dalam menyelesaikan sesuatu masalah (Yusof & Nawawi, 2021). Ini jelas menggambarkan bahawa kemahiran dalam bidang pekerjaan adalah amat penting dalam menyelesaikan apa jua permasalahan yang timbul di alam pekerjaan. Menurut Iqbal (P2) pula; “Kami telah banyak dibekalkan dengan kemahiran sebagai persediaan kami di alam pekerjaan kelak. Selain tu, pengetahuan-pengetahuan asas teori banyak dipelajari melalui modul-modul di dalam struktur pengajian kami. Jadi tidak wujud isu mengatakan kami tidak cukup kemahiran dan tidak berpengetahuan dalam bidang kami.” “Malahan kami juga ada Sijil Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh JPK iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran. Ia sangat laku di pasaran, dan ramai majikan mengutamakan graduan yang memiliki Sijil Kemahiran ini.” Manakala menurut Shahristani(P3) yang mewakili pihak majikan; “bagi saya...kebolehan dan kemahiran graduan itu fokus saya dalam bidang industri...” “sebagai majikan, saya memang memilih kemahiran terlebih dahulu berbanding sijil atau diploma yang diiktiraf”. “Diploma serta Sijil Kemahiran yang diperolehi oleh graduan kolej vokasional bukanlah sesuatu yang olok-olok atau sekadar sekeping kertas, tetapi ia bermutu dan bernilai setara dengan kemahiran yang ditunjukkan oleh mereka.”

b) Integriti dan Kebertanggungjawaban – Memartabat Nilai Manusia Dalam Pekerjaan

Nilai integriti seperti berdisiplin, menepati masa, jujur, amanah, bertanggungjawab dan mempunyai nilai-nilai sahsiah dan keperibadian yang mulia turut dijadikan sebagai kriteria utama dalam pemilihan pekerja. Oleh yang demikian, majikan mempunyai satu persepsi bahawa graduan kolej vokasional yang dilahirkan mempunyai nilai-nilai tersebut berdasarkan kepada kecemerlangan pelajar kolej vokasional semasa menjalani latihan praktikal atau OJT. (Laporan Prestasi OJT Graduan KV Miri, 2022). Ini adalah kerana, program yang ditawarkan di kolej vokasional turut mewajibkan pelajar-pelajar mengambil subjek-subjek yang berteraskan integriti dan dinamika dalam pekerjaan.

Kursus-kursus seperti Kemahiran Dinamika, Etika Profesionalisme dan Pekerjaan serta English For Business banyak membimbing pelajar-pelajar untuk mempunyai nilai-nilai integriti semasa dalam dunia pekerjaan. (Struktur Program, Kurikulum Standard Kolej Vokasional, 2019). Berdasarkan Killy (P1); “graduan KV ni sangat bertuah...sebab mereka semua bukan sahaja dibimbing dari segi pengetahuan kognitif dan kemahiran metakognitif, tetapi juga nilai-nilai keusahawanan, nilai-nilai insaniah dan aspek rohani turut diberikan penekanan.” “Pihak majikan juga mempunyai kriteria mereka dalam memilih pekerja yang bukan sahaja berkemahiran dalam pekerjaan, tetapi juga nilai-nilai lain seperti nilai integriti, amanah, bertanggungjawab dan rohaniah yang lain”. Menurut Iqbal (P2) pula; “...saya setuju... semasa saya dalam tahun akhir dulu pun pensyarah saya banyak tekankan untuk menepati masa, kepentingan untuk bersikap jujur dan amanah serta mengurus projek dengan baik dan bertanggungjawab. Itulah yang saya pegang sehingga sekarang...” Menurut Shahristani (P3) pula; “tapi apa yang lebih penting adalah sikap dan sahsiahnya, rajin nak kena ada, menjaga punctuality, bertanggungjawab dan amanah...”. “Pelajar tersebut bukan sahaja mempunyai kemahiran teknologi dalam bidang ICT yang baik, tetapi juga mempunyai sahsiah dan disiplin yang sangat baik...datang kerja awal...”

c) Berdaya Saing dan Mempunyai Kreativiti dan Inovatif

Satu lagi kriteria yang menjadi ketetapan oleh majikan dalam memilih pekerja adalah mempunyai nilai berdaya saing dan mempunyai kreativiti dan inovatif dalam pekerjaan dan penyelesaian masalah. Informan bersetuju bahawa kriteria ini sangat perlu dalam memastikan organisasi mempunyai pekerja yang mantap, mempunyai misi dan visi, serta mempunyai matlamat dalam kerjaya. Seseorang pekerja haruslah mempunyai potensi meningkatkan kerjaya di dalam organisasinya. Berdasarkan kepada informan ketiga, beliau turut menitikberatkan nilai-nilai kreativiti dan inovatif yang ada dalam diri seseorang individu sebelum dipilih untuk bekerja di dalam syarikatnya. Malahan, menurut beliau graduan Kolej Vokasional bukan saja kreatif tetapi mempunyai kemahiran dan kebolehan setanding dengan graduan dari institusi latihan kemahiran yang lain. (Laporan Prestasi OJT, 2022).

Berdasarkan Iqbal (P2) pula; “Ini boleh dijadikan batu loncatan dan persediaan pihak kolej vokasional dalam melatih dan menyediakan graduan yang kreatif, inovatif serta dapat memenuhi kriteria seperti yang diinginkan oleh pihak industri.” Daripada maklumat beliau, jelas menunjukkan majikan turut menginginkan pekerja yang mempunyai nilai-nilai kreativiti dan inovatif dalam proses pemilihan tenaga kerja di industri. Beliau bersetuju bahawa majikan turut mempunyai kriteria-kriteria yang perlu diberi penekanan dalam pemilihan pekerja kerana ia amat penting bagi memastikan sesebuah organisasi mempunyai pekerja yang ada ciri-ciri kreatif dan inovatif khususnya dalam kalangan pemimpin atau penyelia bagi sesebuah jabatan, kerana mereka merupakan barisan yang menentukan pentadbiran dan pengurusan sesebuah organisasi.

Strategi Pemasaran Graduan Oleh Pihak Pengurusan Kolej Vokasional

a) Persijilan Kemahiran Oleh Badan Pengiktiraf Kemahiran – JPK

Salah satu strategi yang telah dan boleh diteruskan oleh pihak pengurusan Kolej Vokasional Miri dalam memasarkan graduan kolej vokasional adalah menerusi persijilan kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. Sepertimana yang dipersetujui oleh informan pertama, melalui persijilan kemahiran pada kemahiran yang ada pada graduan kolej vokasional, ia menjadi nilai tambah yang tinggi kepada graduan yang dilahirkan kerana persijilan itu diiktiraf oleh seluruh majikan dan warga penggiat industri pekerjaan di Malaysia. Dengan itu, ia dapat menjadi pilihan utama para majikan sekiranya graduan tersebut mempunyai kemahiran yang diiktiraf. Menurut graduan KV Miri ini sendiri, Iqbal (P2) pula; “Malahan kami juga ada Sijil Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh JPK iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran. Ia sangat laku di pasaran, dan ramai majikan mengutamakan graduan yang memiliki Sijil Kemahiran ini. Jadi saya boleh katakan, graduan kolej vokasional mempunyai satu nilai kebolehpasaran yang tinggi kerana adanya sijil SKM ini.” Jelas menunjukkan bahawa graduan kolej vokasional menjadi pilihan majikan sekiranya mereka mempunyai kemahiran yang diiktiraf oleh sebuah badan pengiktirafan kemahiran di Malaysia.

Manakala menurut Shahrستاني (P3) pula; “Diploma serta Sijil Kemahiran yang diperolehi oleh graduan kolej vokasional bukanlah sesuatu yang olok-olok atau sekadar sekeping kertas, tetapi ia bermutu dan bernilai setara dengan kemahiran yang ditunjukkan oleh mereka.” Ini membuktikan bahawa, Kolej Vokasional Miri perlu memastikan setiap graduannya mempunyai persijilan kemahiran yang diiktiraf dan strategi ini dapat meyakinkan para majikan dalam memilih graduan sebagai tenaga pekerja di industri. Melalui persijilan kemahiran tersebut, graduan kolej vokasional tidak lagi diragui serta dipersoalkan kemahiran mereka, kerana Jabatan Pembangunan Kemahiran sendiri telah mengiktiraf dan pastinya JPK mempunyai prosedur serta standard mereka sendiri dalam memastikan kemahiran serta kebolehpasaran pelajar Kolej Vokasional Miri mencapai piawaian pekerja mahir yang boleh dipasarkan.

a) Struktur Program dan Penawaran Modul Pembelajaran Yang Dinamik

Penawaran modul-modul di dalam struktur program seperti Etika Profesionalisme dan Pekerjaan, Kemahiran Dinamika, English for Business, Khidmat Masyarakat dan beberapa modul lain yang banyak menerapkan nilai-nilai kemahiran dan kebolehpasaran dalam bidang pekerjaan dapat menyediakan pelajar ke alam dunia pekerjaan sebenar. (Struktur Program, Kurikulum Standard Kolej Vokasional, 2019). Ia sangat membantu para pelajar dalam beradaptasi dengan dunia pekerjaan sebenar serta dapat memperolehi gambaran sebenar tentang dunia pekerjaan. Selain melalui pelaksanaan OJT yang sedang dijalankan oleh pihak kolej vokasional, mereka juga perlu

meneruskan kurikulum-kurikulum yang dapat mendedahkan para pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar. Menurut Killy (P1); “Saya perhatikan, kurikulum dan silibus peringkat diploma di Kolej Vokasional ini cukup baik, banyak membantu para pelajar dalam membina keyakinan diri, sebagai contoh modul-modul seperti Kemahiran Dinamika, Etika Profesionalisme Pekerjaan, English for Business, dan banyak lagi subjek-subjek lain yang boleh mereka pelajari sebagai bekalan mereka untuk menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan.” Menurut Iqbal (P2) pula; “Kami dulu bukan saja dilatih dengan kemahiran dan pengetahuan teori serta metakognitif seperti kemahiran mengaplikasi kemahiran dan pengetahuan ke dalam bidang pekerjaan, tapi kami juga banyak belajar dan diajar dengan modul-modul asas kebolehpasaran seperti etika pekerjaan, profesionalisme pekerjaan, kemahiran dinamika, kemahiran mengurus...” Oleh itu, strategi kedua dalam pemasaran graduan kolej vokasional ini adalah dengan menambah kurikulum di dalam struktur program yang mempunyai modul-modul kemahiran kebolehpasaran dan etika pekerjaan agar graduan mempunyai asas dan gambaran jelas mengenai etika dan nilai-nilai yang perlu ada semasa berada di dalam dunia pekerjaan kelak.

b) Kolaborasi Bersama Pihak Industri Melalui MoU dan NoU

Pemeteraian perjanjian persefahaman antara pihak Kolej Vokasional Miri dengan penggiat-penggiat dan pakar industri di sekitar Miri khususnya dan di seluruh Sarawak dan Malaysia amnya dapat memastikan terdapat usahasama serta perkongsian kepakaran dan khidmat nasihat yang boleh dihulurkan oleh kedua-dua belah pihak. (Data MoU dan NoU KV Miri, 2022). Melalui MoU dan NoU yang ditandatangani, pihak majikan atau industri dapat memperkenalkan perkhidmatan serta bidang kerja mereka di industri kepada masyarakat dan dapat memastikan mereka mempunyai tenaga pekerja yang mahir yang dilahirkan oleh Kolej Vokasional Miri. Dengan cara ini, kedua-dua belah pihak tidak ketinggalan dalam arus transformasi teknologi industri serta berjaya menghadapi cabaran IR 4.0. Menurut Killy (P1); “. Melalui kerjasama dan perjanjian persefahaman dengan pelbagai pakar industri seperti Press Metal di Bintulu, Wehaya di Miri dan Kuching, Eager Group, Brilliant Engineering Sdn Bhd, Shin Yang Company di Miri dan banyak lagi turut dapat memastikan kami boleh memasarkan graduan kami.” Beliau turut menambah; “Pihak-pihak industri ini bukan sahaja menerima graduan kami menjalani OJT, tetapi turut bersetuju untuk memberi kuota tenaga kerja sekiranya berkelayakan dan hampir setiap tahun kami berjaya memasarkan sekurang-kurangnya 20% daripada graduan kami kepada pihak industri yang telah memeterai perjanjian persefahaman.” Menurut Iqbal (P2) pula; “Selain tu, pihak KV boleh memperbanyakkan lagi jaringan pihak industri dan mengadakan lebih banyak lagi perjanjian persefahaman dengan syarikat-syarikat atau pihak industri yang mempunyai peluang pekerjaan yang luas.”. Manakala menurut Shahrستاني (P3) pula; “bila saya mula menandatangani MoU dengan program Teknologi Maklumat pada tahun 2019, saya mula dapati program di

kolej vokasional sangat baik dan menepati kehendak dan permintaan pihak industri.”

VI. PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, kualiti graduan kolej vokasional mempunyai standard yang selari dengan permintaan dan kriteria-kriteria yang diinginkan oleh pihak majikan. Ini berdasarkan kepada tema-tema yang berjaya ditemukan melalui kedua-dua persoalan kajian yang mempunyai hubungan yang rapat. Manakala pihak pengurusan kolej vokasional juga sentiasa melaksanakan strategi pemasaran graduan sebagaimana yang disarankan oleh wakil-wakil pemegang taruh yang menyertai dalam kajian ini. Jelas melalui Rajah 3, terdapat sebuah kemahiran di dalam Model Kebolehpasaran yang tidak dipenuhi oleh graduan kolej vokasional iaitu kemahiran keusahawanan. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini mencadangkan agar pihak pengurusan kolej vokasional melaksanakan strategi yang lebih agresif dan proaktif bagi memastikan graduan kolej vokasional memiliki kemahiran keusahawanan sesuai mereka menamatkan pengajian. Kerjasama dengan SEDC (Sarawak Economy Development Corporation) atau menjalankan program dengan Bank Simpanan Nasional untuk membantu graduan memohon pinjaman mikro kredit bagi memulakan perniagaan atau projek keusahawanan merupakan langkah yang sesuai dan bijak untuk membekalkan kemahiran keusahawanan kepada graduan kolej vokasional. Kolej vokasional juga perlu mengadakan usahasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam memberikan pendedahan mengenai penubuhan syarikat dan permohonan lesen perniagaan serta menggiataktifkan semula peranan School Enterprise (SE) di kolej bagi membekalkan panduan dan bimbingan mengenai selok belok perniagaan dan pengurusan kewangan yang mapan kepada pelajar sebelum mereka bergraduasi. Pihak pengurusan kolej vokasional juga perlu sentiasa menggalakkan para pensyarah mereka melaksanakan kajian-kajian ilmiah dan kajian lapangan untuk menjejaki kualiti dan kebolehpasaran graduan dari semasa ke semasa. Syed Ismail Syed Mustapa dan Lee Leh Hong (2022) menyatakan bahawa ketua jabatan atau ketua unit di bawah seliaan mereka perlu berperanan untuk memastikan setiap pegawai akademik melibatkan diri dalam penyelidikan dan penulisan akademik.

Penambahbaikan yang boleh dilakukan ke atas kajian ini adalah dengan melibatkan penyertaan lebih ramai pemegang taruh, khususnya alumni graduan kolej vokasional daripada pelbagai program dan bidang serta pakar-pakar industri seluruh Sarawak bagi membuktikan graduan mempunyai permintaan dan pilihan utama daripada penggiat industri yang menyeluruh dari pelbagai bidang industri pekerjaan. Untuk menambahbaik serta meningkatkan kualiti kajian ini, pengkaji mencadangkan agar kajian ini mendapat geran penyelidikan daripada pihak pemegang taruh utama iaitu BPLTV sebagai pemilik dasar dan polisi pendidikan TVET dengan melibatkan skop populasi yang lebih luas. Setiap penyelidikan yang dilakukan memerlukan peruntukan dana bagi memastikan kelancaran penyelidikan tersebut. Kekurangan dana mengakibatkan pensyarah sukar untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan

dengan berkesan (Mohd Razali & A. Ghani, 2023). Penglibatan pemegang taruh pada peringkat nasional seluruh Malaysia akan menguatkan lagi nilai kebolehpasaran kajian. Pengkaji berharap kajian ini boleh diketengahkan sebagai kajian asas dalam menentukur kebolehpasaran seterusnya boleh memberikan gred pada kualiti graduan kolej vokasional pada peringkat nasional. Kajian seperti ini akan dapat membantu pihak KPM untuk menjawab persoalan daripada masyarakat serta kementerian yang lain di dalam kabinet untuk membuktikan bahawa warga Kolej Vokasional Malaysia mampu melahirkan tenaga kerja manusia yang mahir dan berkualiti, setanding dengan graduan-graduan institusi pengajian tinggi awam dan institusi latihan kemahiran yang lain.

VII. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis data deskriptif, pengkaji mendapati ketiga-tiga persoalan kajian telah terjawab. Persepsi pemegang taruh terhadap kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej vokasional dapat disimpulkan kepada lima tema iaitu graduan-graduan ini mempunyai pengiktirafan dan bekalan kemahiran yang mencukupi, kecemerlangan OJT, integriti dan bertanggungjawab, mempunyai nilai daya saing dan kemahiran kebolehpasaran dalam bidang selepas menamatkan pengajian. Manakala persoalan kajian kedua mengenai kriteria berdasarkan permintaan majikan terhadap graduan kolej vokasional pula, pengkaji menyimpulkan bahawa pemegang-pemegang taruh mengutamakan kemahiran dalam bidang pekerjaan graduan, berintegriti dan bertanggungjawab, berdaya saing dan mempunyai nilai kreativiti dan inovatif dalam pekerjaan. Persoalan kajian ketiga pengkaji menyimpulkan bahawa strategi-strategi pemasaran graduan yang sedang dan boleh dilaksanakan oleh pihak pengurusan kolej vokasional adalah melalui persijilan kemahiran graduan yang diiktiraf oleh JPK serta badan-badan induk pentauliahan kemahiran, pembangunan struktur program dan penawaran modul-modul pembelajaran yang lebih dinamik dan kolaborasi kerjasama melalui pemeteraian perjanjian persefahaman MoU atau NoU antara pihak kolej vokasional dengan pakar-pakar dan penggiat industri di seluruh Sarawak khasnya dan Malaysia amnya. Pengkaji dapat membuktikan bahawa graduan Kolej Vokasional mempunyai standard dan kualiti kebolehpasaran setara dengan graduan-graduan institut latihan kemahiran yang lain melalui data rasmi kebolehpasaran graduan dari tahun 2017 - 2022. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian kuantitatif Jamilah Yusof & Alif Nawi (2021) yang mendapati min skor bagi tahap kualiti graduan kolej vokasional 4.14, min skor bagi tahap kebolehpasaran kemahiran komunikasi graduan kolej vokasional yang mencatatkan nilai 4.02 dan min skor bagi tahap kebolehpasaran pemikiran kritis graduan kolej vokasional 4.06. Nilai-nilai min skor bagi kualiti dan kebolehpasaran ini adalah setara dengan nilai-nilai min skor bagi tahap kualiti dan kebolehpasaran graduan di Kolej Komuniti Negeri Johor yang mencatatkan min skor bagi kemahiran employability 4.24 (Yusmarwati Yusof et al., 2018) dan tahap kebolehpasaran yang dicatatkan oleh graduan sukan UiTM yang mencatatkan nilai min skor antara 4.12 hingga 4.48. (M. Firdaus Ahmad et al., 2023). Dapatan

kajian ini juga disokong oleh Noor Hisham Jalani (2014) yang menyatakan bahawa melalui pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di kolej vokasional dapat mengintegrasikan kemahiran sosial dan nilai sosial dalam kurikulum teknikal yang dilihat boleh memenuhi permintaan serta kehendak daripada industri atau majikan dan seterusnya dapat memangkin potensi keberhasilan graduan kolej vokasional khususnya dalam bidang TVET. (Noor Hisham Jalani, 2014). Melalui sistem latihan di kolej vokasional, pelatih telah diberikan peluang pendedahan kepada aspek World of Work yang sebenar. Perkara seperti ini sememangnya merupakan sesuatu yang amat baik serta bertepatan dengan konsep TVET itu sendiri yang menekankan aspek persediaan untuk pekerjaan. (Noor Hisham Jalani, 2014). Untuk melestarikan martabat manusia dalam industri pekerjaan, semua pemegang taruh kolej vokasional perlu menggembelng tenaga bersama pihak pentadbiran bagi memastikan Kemahiran Kebolehpasaran dapat dikuasai dengan menyuntik modal bagi melaksanakan program-program pembangunan usahawan, bengkel kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang memantau integriti dan kebertanggungjawaban seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kem-kem jatidiri dan sebagainya. Selain itu, melalui kajian ini boleh dijadikan batu loncatan untuk menjawab kepada persoalan-persoalan pihak kementerian dan masyarakat industri mengenai kerelevanan pelaksanaan pendidikan teknikal dan vokasional di bawah urus tadbir KPM. Ini juga dapat menjawab persoalan keupayaan KPM dalam melahirkan tenaga kerja yang mahir dan separuh mahir, selaras dengan dasar dan polisi yang ditetapkan oleh BPLTV di KPM.

RUJUKAN

- Baizura H., H. Fatimah, H & Nazirah, M.A. (2019). Jurnal Refleksi Dan Laporan Latihan Industri: Satu Perubahan. Politeknik Premier Johor Bahru.
- Data MoU dan NoU, KV Miri (2022). Unit Perhubungan dan Latihan Industri, KV Miri.
- Data Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional Miri 2017-2022. (2022). Unit Psikologi dan Kerjaya Kolej Vokasional Miri.
- Enah A., Che' Rus, R., Haron, M.A & Hussain, M.A.M. (2018) Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional: Satu Analisis, Fakulti Teknikal dan Vokasional, UPSI.
- Farrah Syamimi, C. R, S.Yusoff, S.M.Y, Mohd Yusof, M.R & A.R.A Nazren. (2021). Kebolehpasaran Graduan Wanita TVET ILJTM Zon Sabah Dalam Pemilihan Kerjaya. Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Institut Latihan Perindustrian Sandakan, Sabah.
- Firdaus, A.M, S. Zulaikha, S. N , Norlena, S, & Shahlan, S.(2023). Perbezaan Kebolehpasaran Berdasarkan Jantina : Kajian Tinjauan Terhadap Perspektif Graduan Sukan UiTM. Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Malaysia
- Intan Suria, H & Sity, D. (2018). Implikasi Kemasukan Pekerja Asing Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal, Sains Insani 1(1): 60-77.
- Ismail, M. H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. Prosiding PERKEM VII Jilid 2. UKM, Kuala Lumpur.
- Jamilah, Y & Aliff, N. (2021). Motivasi, Kualiti dan Kebolehpasaran Graduan Perempuan Dalam Bidang Kemahiran Di Kolej Vokasional, Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Kamro, M. (2012). Kesiapan menceburi kerjaya kejuruteraan binaan dalam kalangan pelajar jurusan binaan bangunan di Sekolah Menengah Vokasional (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)
- Komathi, C. & Husaina B.K. (2019). Pendapat Graduan TVET Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 6(2), 82-97.
- Laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Vokasional (2020). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan Prestasi OJT Graduan KV Miri (2022). Unit Perhubungan dan Latihan Industri KV Miri.
- Little, Brenda M. (2011) "Employability for the workers: What does this mean?," Education and Training, 53(1): pp.57-66.
- M. Adib, H. (2019). Kriteria Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional Dan Kecenderungan Pengambilan Pekerja Dari Perspektif Majikan, Fakulti Teknikal dan Vokasional, UPSI.
- M. Azilan, R., Ramlee, M & Roszelina, A.R. (2018). Hubungan Kemahiran Kebolehpasaran Pelajar Kolej Vokasional Pertanian Dengan Kesiapan Menghadapi Revolusi Industri 4.0, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- M. Zuber, A.M & Muhammad, H. (2020). Kebolehpasaran dan Pengangguran Graduan Lulusan Institut Pengajian Tinggi (IPT). International Conference On Global Education III, 351-363.
- Mustapa, S. I. S., & Hong, L. L. (2022). Budaya Penyelidikan Dan Penulisan Dalam Kalangan Pegawai Akademik di IPG. August.
- N.A Husna, M.R & A. Ghani, M. F (2023). Cabaran Melestarikan Kepimpinan Penyelidikan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia: Satu Kajian Awal. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil 10(22-31). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

N. Hisham, J. (2014). Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Di Kolej Vokasional Wilayah Selatan : Satu Kajian Awal.

Ntini, E. (2017). Today's World: Can Modernisation Theory Still Explain It Convincingly, University of KwaZulu-Natal.

Romulo, P. & Pundy, P. (2016). Higher Education And Economic Development In The OECD: Policy Lesson For Other Countries And Regions, *Journal of Higher Education Policy And Management* 38 (2): 1-17.

S.N Hayati, M.Y. & Karimah Umar. (2018). Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti Kuala Langat. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 1(3), 43-52.

Statistik Pendidikan Tinggi 2018: Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). Kajian Pengesanan Graduan

Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, May 2020. (2020). Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php>

Struktur Program, Kurikulum Standard Kolej Vokasional (2019). Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional, KPM.

Tickle, Louise (2013). "Employability initiative winner: Edinburgh College of Art," *TheGuardian*, 28 February.

Wesley, S. C., Jackson, V. P. & Lee, M. 2017. The Perceived Importance Of Core Soft Skills between Retailing And Tourism Management Students, Faculty And Businesses. *Employee Relations*, 39(1), 79-99

Yusmarwati, Y, Amiza, A.N.S, Rohayu, R & Halizah, A. (2018). Penerapan Kemahiran Employability Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Komuniti di Negeri Johor. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM*.